

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

FCP 453.20 Farmasi Masyarakat
Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA (5) soalan di dalam 16 muka surat bertaip.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

ANGKA GILIRAN: _____

1. Soalan Pilihan Berganda. Jawab semua soalan dengan menandakan (/) pada ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang BETUL ATAU PALING SESUAI bagi sesuatu soalan. Hanya SATU jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

- A. Pada penggal kehamilan ke berapakah pendedahan kepada teratogen selalunya dikaitkan dengan kecacatan organ-organ penting?
- (a) Trimester pertama.
 - (b) Trimester kedua.
 - (c) Trimester ketiga.
 - (d) Hampir dengan masa kelahiran.
- B. Jika sesuatu drug diklasifikasikan di bawah kumpulan faktor risiko B, ini bermaksud yang.....
- (a) kajian reproduksi haiwan telah tidak menunjukkan risiko kepada janin tetapi kajian terkawal bagi wanita hamil masih belum wujud.
 - (b) kajian terkawal di kalangan wanita gagal untuk menunjukkan satu risiko kepada janin semasa trimester pertama kehamilan.
 - (c) kegunaan di kalangan wanita hamil telah menunjukkan bukti risiko terhadap janin tetapi kebaikan dari kegunaannya di dalam wanita hamil mengatasi kemungkinan risiko.
 - (d) tidak ada kajian dilakukan di kalangan wanita hamil atau haiwan.
- C. Yang mana di antara keadaan-keadaan berikut dilaporkan berlaku di kalangan neonat dan dikaitkan dengan pengambilan aspirin oleh ibu pada trimester ketiga kehamilan?
- (a) Hidrosefalus.
 - (b) Pendarahan neonat.
 - (c) Penyakit jantung kongenital.
 - (d) Hidrosel.

...3/-

ANGKA GILIRAN: _____

- D. Yang mana di antara antiemetik-antiemetik berikut telah dibuktikan sebagai menyebabkan malformasi janin bila ianya digunakan semasa kehamilan?
- (a) Prometazin.
 - (b) Siklizin.
 - (c) Promazin.
 - (d) Meklizin.
- E. Yang mana di antara vitamin-vitamin berikut mengalami perubahan faktor risiko dari A ke X bila diguna secara berlebihan?
- (a) Vitamin A.
 - (b) Vitamin B.
 - (c) Vitamin C.
 - (d) Vitamin D.
- F. Yang mana di antara laksatif-laksatif berikut harus dielakkan oleh seseorang wanita hamil?
- (a) Metilselulosa.
 - (b) *Cascara sagrada*.
 - (c) Polikarbofil.
 - (d) Magnesium sulfat.
- G. Yang mana di antara kemahiran berikut perlu dipertingkatkan oleh seseorang ahli farmasi komuniti?
- I. Komunikasi interpersonal..

...4/-

ANGKA GILIRAN: _____

- II. Kaunseling drug.
 - III. Penilaian simptom.
 - IV. Pengurusan produk.
 - (a) (I) sahaja.
 - (b) (I) dan (II) sahaja.
 - (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
 - (d) (I), (II), (III) dan (IV).
- H. Yang manakah di antara berikut adalah sebab mengapa seseorang ahli farmasi komuniti itu harus mengendalikan perundingan dan penilaian terhadap pesakit?
- I. Kekerapan berlakunya amalan swa-pengubatan di kalangan masyarakat.
 - II. Terdapatnya perbezaan di antara drug-drug OTC.
 - III. Untuk menyaring penyakit-penyakit kronik.
 - IV. Untuk memonitor tindak-balas advers drug.
 - (a) (I) sahaja.
 - (b) (I) dan (II) sahaja.
 - (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
 - (d) (I), (II), (III) dan (IV).
- I. Yang manakah di antara berikut mungkin termasuk di dalam senarai masalah-masalah berkaitan drug yang mungkin dikenal-pasti di farmasi masyarakat?
- I. Amalan polifarmasi.
 - II. Tak-komplians.

...5/-

ANGKA GILIRAN: _____

- III. Simptom kesan advers drug.
- IV. Kemerosotan penyakit kronik.

- (a) (I) sahaja.
- (b) (I) dan (II) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (I), (II), (III) dan (IV).

J. Yang mana di antara simptom-simptom berikut memerlukan rujukan serta-merta kepada doktor?

- I. Sakit kepala akibat daripada kecederaan kepala.
- II. Bunyi berdesing di dalam telinga.
- III. Hidung tersumbat selepas mengambil metildopa.
- IV. Batuk-batuk setelah mengambil sedutan Becotide[®].

- (a) (I) sahaja.
- (b) (I) dan (II) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (I), (II), (III) dan (IV).

K. Seorang wanita muda lingkungan umur 20-an meminta untuk berbicara dengan anda. Beliau memberitahu yang beliau mungkin mengalami sistitis. Bila disoal beliau menyatakan kekerapan beliau membuang air kecil adalah berkurangan daripada biasa. Bila ditanya tentang rupa urinnya, beliau menyatakan yang ia kelihatan gelap dan mempunyai bau yang tidak menyenangkan. Apakah tindakan anda?

- I. Menyoal-tambah tentang simptom-simptom lain yang berkaitan.

...6/-

ANGKA GILIRAN: _____

- II. Menyoal pelanggan itu tentang apakah yang telah dilakukan bagi mengatasi masalahnya.
- III. Merujuk pelanggan itu kepada doktor dengan serta-merta.
- IV. Mencadangkan suatu sediaan OTC yang mengandungi agen pengalkali.
 - (a) Melakukan (I) sahaja.
 - (b) Melakukan (I) dan (II) sahaja.
 - (c) Melakukan (I), (II) dan (III) sahaja.
 - (d) Melakukan (I), (II), (III) dan (IV).

- L. Yang mana di antara gabungan OTC berikut mengakibatkan kesan aditif?
 - (a) Aspirin - antasid.
 - (b) Krim tretinoin - krim urea.
 - (c) Minyak ikan - Minyak mineral.
 - (d) Multivitamin - magnesium trisilikat.

- M. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut berkenaan alat-alat intrauterin (IUD) adalah benar?
 - I. Ia mengandungi estrogen untuk mengurangkan pendarahan berlebihan.
 - II. Ia perlu ditukarkan setiap 4 bulan di kalangan pesakit anemik.
 - III. Satu set IUD mengandungi enam kapsul silastik.
 - IV. Ia kurang dikaitkan dengan kehamilan ektopik berbanding pil perancang oral.

...7/-

ANGKA GILIRAN: _____

- (a) (I) dan (II) sahaja.
 - (b) (II) dan (III) sahaja.
 - (c) (II), (III) dan (IV) sahaja.
 - (d) Tiada satu pun dari di atas adalah benar.
- N. Yang mana antara pernyataan berikut berkenaan spermisid vagina adalah benar?
- (a) Penggunaannya tidak disarankan bagi seseorang pesakit yang mengalami penyakit koagulasi darah.
 - (b) Wanita yang alah terhadap getah kerap juga membentuk alahan terhadap spermisid.
 - (c) Spermisid Nonoxynol - 9 terdapat dalam bentuk krim dan buih.
 - (d) Sediaan adalah berguna untuk merawat gonorrea dan herpes.
- O. Yang mana di antara pernyataan berikut berkenaan akne adalah benar?
- (a) Mikromedo adalah bentuk patalogik terakhir untuk akne.
 - (b) *Propionobacterium acne* merupakan patogen yang bertanggungjawab bagi pembentukan akne.
 - (c) Asid salisilik 2% adalah agen farmakologik paling berkesan untuk rawatannya.
 - (d) Haloperidol merupakan salah satu drug yang boleh menyebabkannya.
- P. Yang mana di antara agen-agen farmakologik berikut adalah tidak sesuai untuk digunakan di kawasan rektum bagi rawatan hemoroid?
- (a) Lidokain 2%.
 - (b) Efedrin HCl 0.2%.
 - (c) Kalamín.
 - (d) Zink oksid.

...8/-

ANGKA GILIRAN: _____

- Q. Yang manakah di antara ubat-ubat berikut paling mungkin menyebabkan perubahan warna kanta sentuh lembut?
- (a) Klomifen.
 - (b) Fenazopiridin.
 - (c) Reserpin.
 - (d) Primidon.
- R. Yang mana di antara pengawet-pengawet berikut paling sering dikaitkan dengan penguningan kanta sentuh lembut?
- (a) Klorheksidin.
 - (b) Tiomerosal.
 - (c) Asid sorbik.
 - (d) Polikuad.
- S. Yang mana di antara pencuci enzim-pencuci enzim berikut mungkin mempunyai bau?
- (a) Externzyme®.
 - (b) Opti Zyme®.
 - (c) ReNuthermal®.
 - (d) Ultrazyme®.
- T. Yang mana di antara sediaan-sediaan titik telinga berikut tidak disarankan sebagai rawatan dan pencegahan otitis eksterna?

...9/-

ANGKA GILIRAN: _____

- (a) Ubat titis telinga alkohol.
- (b) Ubat titis telinga asid asetik BPC.
- (c) Ubat titis telinga gliserol.
- (d) Ubat titis telinga asid borik.

U. Yang mana di antara agen-agen berikut digunakan untuk meningkatkan penembusan titis telinga ke dalam tahi telinga?

- (a) Minyak ara.
- (b) Minyak kamfor.
- (c) Gliserol.
- (d) Natrium dioktil sulfosuksinat.

V. Yang mana dari sediaan-sediaan titis telinga berikut dikontraindikasikan bagi kanak-kanak yang berumur kurang dari dua belas tahun?

- (a) Ubat titis telinga asid asetik.
- (b) Larutan Burrows.
- (c) Ubat titis telinga Gliserin.
- (d) Ubat titis telinga asid borik.

W. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut adalah benar ?

...10/-

ANGKA GILIRAN: _____

- I. Formula bayi komersial dibuat berdasarkan kandungan yang terdapat dalam kolostrum.
- II. Kolostrum merupakan susu awal yang dihasilkan dari susu ibu.
- III. Susu ibu dianggap matang selepas dua minggu pengeluarannya.
- IV. Bayi yang dilahirkan dengan kecacatan sistem metabolisme mungkin tidak boleh menyesuaikan diri dengan kandungan susu ibu.

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (II) dan (IV) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (IV) sahaja.

X. Yang mana di antara prinsip-prinsip berikut merupakan asas bagi menilai formula infan?

- I. Ia mempunyai kandungan nutrisi asas yang mencukupi tetapi tidak berlebihan.
- II. Ia mestilah mudah dihadam.
- III. Ia harus mempunyai taburan munasabah daripada segi punca kalori yang dihasilkan daripada protein, zat lemak, dan karbohidrat.
- IV. Taburan kalori daripada protein, zat lemak dan karbohidrat haruslah di dalam nisbah 7% : 38% : 55% masing-masingnya.

...11/-

ANGKA GILIRAN: _____

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (II) dan (IV) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (IV) sahaja.

Y. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut adalah benar?

- I. Luas permukaan kulit yang lebih besar pada bayi akan mengurangkan penyerapan ubat-ubatan topikal.
- II. Neonat matang berada dalam kandungan <37 minggu.
- III. Keupayaan ahli farmasi untuk menganggar tahap aktiviti gastrousus, fungsi renal dan fungsi hati tidak akan dapat membantu seseorang doktor dari segi penggunaan ubatan pediatrik tanpa preskripsi ke arah yang lebih rasional.
- IV. Kadar cepat penapisan glomerulus (GFR) di kalangan neonat hanyalah 30% berbanding dengan orang dewasa.

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (II) dan (IV) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (IV) sahaja.

(25 Markah)

...12/-

ANGKA GILIRAN: _____

2. Bermodalkan wang sebanyak RM 100,000, Encik Kamil seorang peniaga ingin membuka sebuah kedai Farmasi bersama dengan Cik Rohani di Batu Pahat, Johor.

Kajian yang dibuat memberikan maklumat berikut:-

1. Penduduk Batu Pahat adalah seramai > 70,000 orang.
2. Purata sewaan ialah RM 2000.00 sebulan.
3. Taburan umur penduduk ialah:
 - 30%, 50 tahun ke atas
 - 40%, 20-49 tahun
 - 30%, bawah 19 tahun.

- (A) Apakah bentuk perniagaan yang harus ditubuhkan?

(2 Markah)

- (B) Adakah modal tersebut di atas mencukupi?

(2 Markah)

- (C) Bincangkan tentang maklumat-maklumat lain yang harus dikaji sebelum kedai farmasi itu didirikan.

(8 Markah)

- (D) Bincangkan persediaan awal yang harus diambil?

(8 Markah)

- (E) Apakah yang dimaksudkan dengan istilah "aliran tunai"?

(5 Markah)

...13/-

ANGKA GILIRAN: _____

3. MCN, seorang wanita berumur 30 tahun pergi ke farmasi anda bagi mendapat ubat untuk masalah-masalahnya. Beliau memberitahu yang beliau mengalami batuk, bersin dan hidung berair selama 2 hari. Masalah-masalah ini mengganggu aktiviti-aktiviti hariannya. Beliau menafikan mengidap masalah perubatan yang lain. Beliau berpendapat yang beliau mungkin mengidapi alahan rinitis. Beliau juga lebih suka mengambil satu sediaan ubat sahaja untuk merawat kesemua masalahnya.
- (A) Terangkan perbezaan di antara selsema biasa dan alahan rinitis.
(4 Markah)
- (B) Bincangkan maklumat lain yang diperlukan sebelum cadangan sediaan ubat untuk MCN boleh dibuat.
(5 Markah)
- (C) Bincangkan samada pemilihan Phensedyl^R adalah sesuai untuk MCN.
(7 Markah)
- (D) Terangkan masalah-masalah perubatan dan keadaan-keadaan yang memerlukan pengawasan khusus bila mengambil Phensedyl^R.
(4 Markah)
- (E) Bincangkan kaunseling yang diperlukan untuk MCN jika ia mengambil Phensedyl^R.
(5 Markah)

...14/-

4. (A). Bagaimanakah gejala-gejala yang terdapat pada seseorang yang terkena jangkitan cacing akibat *Enterobius vermicularis* dan apakah rawatan yang sesuai untuknya?

(10 Markah)

- (B) Seorang ibu mengunjungi kedai Farmasi anda dan memberi tahu bahawa anaknya kecacingan setelah mendapati cacing (ukuran besar) dalam najis anaknya. Apabila disoal dengan lebih lanjut, ternyata anaknya juga merungut sering merasa:

- tidak sedap perut
- sakit perut
- diare
- gatal-gatal kulit

Dari pengamatan anda sendiri, anak itu juga kelihatan agak kurus.

Sebagai seorang Ahli Farmasi, apakah nasihat anda kepada ibu tersebut?

(10 Markah)

- (C) Perkirakan keperluan tenaga untuk kanak-kanak di atas jika diketahui:

berat badan	24 kg
tinggi	130 sm
umur	7 tahun
jantina	perempuan

(5 Markah)

5. (A) Cik MR, seorang penuntut Tingkatan Lima datang ke farmasi anda dengan rungutan utamanya jerawat di bahagian mukanya. Beliau seterusnya meminta nasihat daripada anda.

Sebagai seorang ahli farmasi komuniti, anda menerangkan bahawa jerawat beliau tidak boleh dirawat tetapi boleh dikawal dengan rawatan sediaan antiakne.

...15/-

(I) Nyatakan lima (5) objektif dalam perawatan akne.

(5 Markah)

Setelah mendengar nasihat anda, Cik MR bersetuju untuk menggunakan satu sediaan antiakne dan anda mencadangkan satu sediaan yang mengandungi benzoil peroksida.

(II) Berikan nama satu contoh sediaan OTC di pasaran (nama dagangan) yang mengandungi benzoil peroksida.

(2 Markah)

(III) Apakah maklumat-maklumat yang perlu anda berikan semasa kaunseling kepada Cik MR berkenaan dengan penggunaan sediaan yang telah anda cadangkan

(8 Markah)

(B) Encik RM, seorang guru sekolah menengah telah didiagnos sebagai mengalami hemoroid setahun yang lalu. Beliau berkunjung ke farmasi anda untuk membeli ubat yang boleh meredakan simptom-simpto hemaroid yang dihidapinya.

(I) Nyatakan dua (2) simptom hemaroid yang tidak boleh dirawat secara swa-pengobatan

(2 Markah)

(II) Berikan satu contoh sediaan OTC bagi rawatan hemaroid (nama dagangan), serta nyatakan tiga (3) maklumat yang anda harus berikan kepada Encik RM semasa kaunseling berkenaan sediaan yang dipilih.

(8 Markah)

LAMPIRAN:

Formula Pengiraan Keperluan Tenaga

Wanita: $REE \text{ (kcal)} = 655.1 + 9.56 W + 1.85 H - 4.68 A$

$REE \text{ (kJ)} + 2741 + 40 W + 7.74 H - 28.35 A$

Lelaki: $REE \text{ (kcal)} = 66.5 + 13.75 W + 5.0 H - 6.78 A$

$REE \text{ (kJ)} + 278 + 57.5 W + 7.74 H - 19.56$

[A = umur; W = berat badan (kg); H = ketinggian (sm)]